

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Polis, jabatan kesihatan kesan individu guna sijil vaksin palsu

Pihak berkuasa tunggu hasil siasatan ambil tindakan terhadap klinik, doktor

Oleh Zatul Ifrah Zolkiply
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengesan individu yang mendapatkan sijil vaksinasi dipercayai palsu dari sebuah klinik swasta di Marang.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, Datuk Dr Kasamani Embong, berkata pihaknya akan memberikan nasihat dan kaunseling kepada golongan berkenaan bagi memastikan mereka menerima suntikan vaksin. "Mengetahui tindakan terhadap doktor dan klinik berkenaan, kita masih menunggu hasil siasatan daripada polis sebelum tindakan lanjut boleh diambil."

"Hasil siasatan mendapati klinik swasta berkenaan dibenar-

Polis bongkar penjualan sijil vaksin COVID-19 palsu



Keratan akhbar
BH semalam.

kan untuk memberikan suntikan vaksinasi secara berbayar sejak September tahun lalu dan memohon dijadikan pusat pemberi vaksin (PPV).

"Permohonan menjadi PPV diluluskan pada akhir Disember tahun lalu dan pendaftaran klinik serta lesen doktor berkenaan boleh dibatalkan sekiranya didapati bersalah," katanya di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan polis Terengganu membongkar kegiatan penjualan sijil vaksinasi Covid-19 dipercayai palsu dengan merampas hampir 100 keping kad peringatan (janji temu) vaksinasi.

Kegiatan itu terbongkar susulan serbuan sepasukan pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Komersial yang membawa kepada penahanan suspek pada Sabtu lalu.

Terdahulu, perintah reman ter-



Seorang doktor klinik swasta dibawa ke Mahkamah Majistret Marang, semalam.

(Foto BERNAMA)

hadap doktor swasta yang dipercayai terbabit dalam kegiatan penjualan sijil vaksinasi COVID-19 disambung sehingga Khamis ini.

Perintah reman terhadap suspek berusia 51 tahun itu dikeluarkan Majistret Engku Nurul

Ain Engku Muda di Mahkamah Majistret Marang, semalam.

Lanjutan reman itu bagi membolehkan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu.

Suspek dipercayai melakukan perbuatan itu sejak September

tahun lalu selepas klinik berkenaan mendapat kebenaran mengendalikan suntikan vaksinasi secara berbayar.

Dalam tempoh berkenaan, lebih 1,900 sijil vaksinasi COVID-19 dengan kadar bayaran antara RM400 hingga RM600.

MMA gesa pihak berkuasa jalankan siasatan menyeluruh

Kuala Lumpur: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa pihak berkuasa menjalankan siasatan menyeluruh terhadap kumpulan yang memalsukan sijil vaksinasi COVID-19.

Presidennya, Dr Koh Kah Chai yang melahirkan rasa kecewa dengan tindakan kumpulan menjual sijil vaksinasi itu secara dalaman talian, mendesak agar pihak terbabit dibawa ke muka pengadilan.

"Kami mahu pihak berkuasa menjalankan siasatan secara menyeluruh dan membawa mereka yang bertanggungjawab ke muka pengadilan. Kami juga menggesa orang ramai membuat laporan kepada pihak berkuasa sekiranya mempunyai maklumat mengenai sebarang aktiviti rasuah dalam sektor kesihatan," katanya semalam.

Dr Koh berkata, MMA tidak membenarkan aktiviti sedemikian yang memusnahkan integriti profesion perubatan, lebih-lebih

jagi jika menyebabkan kemudaratan kepada kesihatan awam.

Justeru, beliau meminta orang ramai menyalurkan sebarang maklumat atau aduan jika mengesan perbuatan seperti itu kepada MMA menerusi laman sekretary@mma.org.my.

Kelmarin, Polis Terengganu membongkar kegiatan penjualan sijil vaksinasi COVID-19 dipercayai palsu selepas menahan seorang doktor sebuah klinik swasta dalam satu serbuan di Marang pada Sabtu lalu dan merampas pelbagai dokumen berkaitan, 100 kad janji temu vaksinasi, komputer riba serta telefon.

Susulan penahanan doktor lelaki berusia 51 tahun itu, polis dan Jabatan Kesihatan Terengganu sedang menyiasat sama ada kira-kira 1,900 individu yang berurusan untuk divaksin dengan klinik berkenaan diberi sijil vaksinasi tulen atau sebaliknya.

Ketua Polis Terengganu, Datuk

Rohaimi Md Isa, dilaporkan berkata, serbuan jam 7 malam itu hasil aduan awam mengenai kegiatan penipuan disyaki melibatkan pengeluaaran sijil vaksin kepada golongan yang tidak mahu disuntik vaksin atau antivaksin.

Difahamkan, setiap individu yang ingin mendapatkan sijil vaksinasi palsu perlu membayar antara RM400 hingga RM600 berbanding harga sebenar suntikan RM300 sahaja. Doktor terbabit disyaki melakukan urusan penjualan secara dalaman talian sejak September lalu.

Individu dari luar Terengganu juga dipercayai turut menggunakan khidmat doktor berkenaan bagi mendapatkan sijil vaksinasi palsu dan suspek juga dipercayai menggunakan ejen yang diberi komisen RM50 untuk mempromosikan khidmatnya. Suspek kini direman bagi membantu siasatan lanjut mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan.

SPRM tahan lelaki disyaki terima wang daripada orang awam

Kota Kinabalu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang lelaki semalam, selepas dipercayai menerima wang daripada orang awam bagi pendaftaran sijil digital vaksinasi COVID-19 palsu dalam aplikasi MySejahtera sekitar Oktober tahun lalu.

Sumber berkata, ahli sindiket berusia 31 tahun itu dipercayai memberi RM2,000 kepada sukarelawan yang bertugas di sebuah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Sabah.

Katanya, ia sebagai balasan bagi mendaftar penama yang



S Karunanithy

tidak menerima suntikan dos vaksin COVID-19 mendapatkan sijil digital vaksinasi dalam sistem MySejahtera.

"Suspek ditahan jam 1.30 tengah hari tadi (semalam) di pejabat SPRM Kota Kinabalu susulan operasi di daerah itu," katanya di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunanithy, ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan.

"Permohonan reman dijangka akan dibuat esok (hari ini) di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19



Keputusan ujian saringan perlu dimaklumkan oleh ibu bapa dan penjaga kepada pihak sekolah.

(Foto hiasan)

KPM benar murid lakukan ujian saringan di rumah

RTK-Antigen air liur akan dibekalkan pihak sekolah

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan (KPM) membenarkan ujian saringan sendiri COVID-19 untuk murid sekolah rendah dilakukan di rumah bermula minggu ini.

Sehubungan itu, Menteri Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin, berkata kit ujian pantas (RTK-Antigen) air liur akan dibekalkan pihak sekolah kepada murid yang dipilih untuk melaksanakan ujian itu.

Beliau berkata, keputusan ujian saringan kemudian perlu dimaklumkan oleh ibu bapa dan penjaga kepada pihak sekolah.

"Kementerian Kesihatan

(KKM) bersetuju ujian sendiri itu dibenarkan dilaksanakan di rumah selepas perbincangan dengan Kementerian Pendidikan (KPM) mengenai pendekatan pelaksanaan ujian saringan itu," katanya dalam satu video yang dimuat naik di Facebook miliknya, semalam.

Pada 1 Disember lalu, KKM dalam Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan menetapkan 10 peratus pelajar sekolah rendah dipilih secara rawak pada setiap minggu perlu menjalani ujian RTK-Antigen dilaksanakan di sekolah.

Pelaksanaan ujian sendiri berkenaan hanya membabitkan penggunaan kit ujian air liur yang dibekalkan oleh KPM dan dibuat dengan pemantauan guru.

Mengulas lanjut, Radzi berkata, KPM akan mengeluarkan kenyataan susulan bagi menjelaskan perkara itu.

Katanya, bagi ibu bapa yang anak mereka terpilih menjalani ujian itu, mereka dinasihatkan mengikut tatacara yang ditetapkan bagi memastikan sesi persekolahan berlangsung teratur dan selamat.

"Jika ia tidak dilaksanakan mengikut tatacara yang ditetapkan, yang akan terkesan bukan sahaja anak saudara-saudari, tetapi kawan-kawan serta guru mereka di sekolah.

"Adalah penting apabila kita mulakan ujian ini nanti, ibu bapa memainkan peranan masing-masing supaya ujian ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan KKM," katanya.

Katanya, langkah terbaru itu bagi memastikan sesi persekolahan berlangsung secara teratur dan selamat sebagaimana diharuskan semua pihak, khususnya ibu bapa.



Radzi Jidin

47 jemaah masjid, penduduk Taman Sri Pulai Perdana positif

Johor Bahru: Sebanyak 47 kes positif COVID-19 dikesan dalam kalangan jemaah masjid dan penduduk di Taman Sri Pulai Perdana, di sini, dengan 164 kontak sedang menunggu keputusan saringan Ahad lalu.

EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, R Vidyantathan, berkata ia sekali gus menyebabkan tercetusnya satu kluster baharu, iaitu Kluster Pulau Perdana Tiga.

Katanya, kluster itu dikesan hasil saringan bersasar yang dijalankan Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru (PKDJ), 6 Januari lalu, berikutan beberapa jemaah masjid yang positif selepas melakukan saringan sendiri.

"Semua kes positif sudah diisolasi dan kontak rapat kes yang dikenal pasti menjalani pengasingan di rumah.

"Fasiliti umum yang berpotensi untuk menjadi tempat penyebaran seperti masjid dan sekolah di dalam kawasan terabit juga dikenal pasti dan ditutup buat sementara waktu bagi siasatan serta pengesanan kes secara berterusan.

"Jabatan Kesihatan mengingatkan kepada penduduk supaya mematuhi perintah kuarantin yang dikeluarkan kerana kegagalan mematuhi boleh dikenakan tindakan mengikut Akta

Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 dengan kompaun tidak melebihi RM1,000," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, sehingga kelmarin terdapat 278 kes dilaporkan yang mana 44 kes (15.8 peratus) daripada kluster aktif dan kluster baharu di Johor; menjadikan jumlah kumulatif kes sebanyak 248,419 kes di seluruh negeri ini.

Katanya, sehingga kelmarin, kumulatif kluster aktif di Johor adalah sebanyak 25 kluster meliputi 11 kluster adalah penularan dalam industri, komuniti (lima kluster), institusi (empat kluster), Import A (dua kluster), selain masing-masing satu kluster iaitu pasar raya, pusat jagaan dan tahanan.

Terdahulu, Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) menafikan mesej yang tular berkaitan pertawaran seluruh kawasan Taman Sri Pulai Perdana sebagai kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran.

Pengarah JKNJ, Datuk Dr Aman Rabu, berkata tindakan kawalan dalaman dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Daerah Johor Bahru berikutan pelaporan 47 kes positif membabitkan Kluster Pulau Perdana Tiga.

Kes jangkitan meningkat kepada 3,175, ragut 18 nyawa lagi

Putrajaya: Jumlah kes baharu COVID-19 semalam kembali mencatatkan peningkatan dengan 3,175 kes berbanding 2,641 kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata angka terbaru itu menjadikan jumlah kumulatif kes di Malaysia setakat ini mencecah 2,792,035.

Katanya, maklumat terperinci akan dimuat naik ke laman web covidnow.moh.gov.my dengan data setiap hari dikemas kini selepas tengah malam.

Sementara itu, lama Covidnow semalam melaporkan COVID-19 di negara ini, meragut 18 lagi nyawa setakat tengah malam kelmarin, dengan dua kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).

Wabak itu mengakibatkan 31,696 kes kematian di seluruh negara setakat ini. Daripada jumlah itu, sebanyak 6,392 kematian adalah membabitkan kes BID.

Data melalui laman sesawang GitHub Kementerian Kesihatan (KKM) pula menunjukkan empat kematian akibat COVID-19 kelmarin dilaporkan di Johor dan

tiga kematian di Kedah.

Empat negeri mencatatkan dua kematian iaitu di Pahang, Selangor, Terengganu dan Kuala Lumpur, manakala satu kematian direkodkan di Kelantan, Melaka dan Perak.

Sehingga tengah malam kelmarin, sebanyak 39,742 kes positif masih lagi aktif dengan sebanyak 32,517 individu menjalani kua-

rantin di rumah; sebanyak 3,593 kes berada di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) dan seramai 3,389 pesakit dirawat di hospital.

Sementara itu, sebanyak 223,463 dos vaksin diberikan semalam, dengan 218,075 suntikan adalah dos penggalak; sebanyak 1,315 dos pertama dan 1,995 dos lengkap.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : LOKAL

Pelutup muka kini dah jadi 'pelutup dagu'

Segelintir peniaga abai objektif pemakaian pelutup muka

Oleh Suraya Roslan,
Muhammad Hafis Nawawi,
Zatul Iffah Zolkiply,
Nurafawati Sabri,
Noorazura Abdul Rahman,
Nurul Amanina Suhaini,
Yun Mikail
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pelutup muka yang sepatutnya berfungsi sebagai pelindung daripada virus Covid-19 kini dilihat sekadar dijadikan aksesori hiasan buat sebahagian peniaga apabila hanya diletakkan di dagu.

Tinjauan Harian Metro mendapati rata-rata peniaga di sekitar Bangsar, Pantai Dalam, Cheras dan Ampang mengenakan pelutup muka, tetapi tidak begitu sempurna.

Ada antara mereka meletakkannya di dagu, lengan dan sekadar tergantung di leher sahaja.

Bagi mereka sekiranya pemeriksaan dilakukan Kementerian Kesihatan (KKM) atau pihak berkuasa, mereka sempat memakai pelutup muka itu bagi mengelak dikenakan kompaun.

Wartawan mendapati tiada seorang pelanggan pun berani menegur peniaga yang meletakkan pelutup muka di dagu sedangkan ia menjadi satu kesalahan di bawah akta KKM.

Tinjauan juga mendapati pemakaian pelutup muka dianggap remeh sesetengah peniaga dan tidak menganggunya mampu melindungi



KEHILANGAN sebahagian peniaga memakai pelutup muka hanya di bawah dagu pada tinjauan ketidakpatuhan dengan SOP apabila tidak memakai atau meletakkannya di bawah dagu ketika berniaga dan tempat tumpuan orang ramai. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

daripada Covid-19.

Seorang peniaga gerai di Cheras yang enggan dikenali berkata, cuaca panas kadangkala membuatkan peniaga rimas untuk mengenakan pelutup muka.

"Memang kita tahu salah tetapi kadang-kadang kita manusia tidak lari daripada melakukan kesalahan."

"Kadang-kadang saya terpaksa meletakkan pelutup muka di dagu kerana sukar bernafas dan rimas terutama apabila ramai pelanggan," katanya.

Seorang pekerja kedai makan di Ampang pula berkata, sudah menjadi kebiasaan untuknya sekiranya memasak, dia tidak memakai pelutup muka.

"Tetapi kami memang 'standby' pelutup muka sekiranya diserbu secara mengejut."

"Setakat ini tiada pelanggan yang pernah tegur kenapa saya tidak memakai pe-

Kadang-kadang saya terpaksa meletakkan pelutup muka di dagu kerana sukar bernafas"

Peniaga (Cheras)

litup muka dengan sempurna, mungkin mereka faham," katanya.

Sementara itu, pakar kesihatan pekerjaan, kecemasan dan kesihatan awam, Dr Hanafiah Bashirun berkata, objektif pemakaian pelutup muka yang sepatutnya menjadi pelindung saluran pernafasan daripada dimasuk virus Covid-19 tidak tercapai sekiranya orang ramai masih merasakan ia sekadar aksesori.

"Kita perlu akui pemakaian pelutup muka tidak men-

Kami memang 'standby' pelutup muka sekiranya diserbu secara mengejut"

Peniaga (Ampang)

capai objektif kerana orang ramai masih tidak merasakan tujuan pemakaian pelutup muka untuk melindungi diri, tetapi sebab takut ditegur polis atau penguatkuasaan.

"Mereka juga sudah mula membezakan kenapa negara lain seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat tidak lagi mengamalkan pemakaian pelutup muka," katanya.

Menurutnya, semua orang perlu memahami kemampuan negara berkenaan daripada segi sistem kesihatan

mereka sudah bersedia untuk menangani bilangan kes yang naik mendadak.

"Tetapi tidak di Malaysia, jika kes naik mendadak dan penggunaan ventilator mencapainya tahap maksimum, sistem kesihatan kita akan lumpuh."

"Disebabkan itu, kita masih meneruskan penjarakan fizikal dan pemakaian pelutup muka kerana sistem kesihatan kita tidak bersedia sekiranya kes naik mendadak seperti yang berlaku sebelum ini," katanya.

Dr Hanafiah berkata, apa yang boleh dilakukan KKM adalah hanya menyeru dan menasihati orang ramai supaya terus memakai pelutup muka dan mematuhi prosedur operasi standard.

"Nasihat, nasihat dan nasihat perkara sama saja, kemudian kompaun, selebihnya sudah tiba masanya kerjasama dan kesedaran orang ramai diperlukan untuk me-

mahami tujuan pemakaian pelutup muka," katanya.

Sementara itu, laman web rasmi KKM menyatakan pelutup muka bertujuan melindungi saluran pernafasan daripada dimasuk virus Covid-19 melalui hidung dan mulut.

Covid-19 boleh merebak melalui titisan cecair dalam bentuk partikel yang besar atau partikel kecil (aerosol).

Aerosol boleh kekal di udara untuk tempoh yang lebih lama dan bergerak lebih jauh dari 1 hingga 2 meter bergantung kepada aliran udara dan keadaan sekeliling.

Tempat terbuka kurang risiko jangkitan berbanding tempat tertutup kerana aliran udara sentiasa bergerak tetapi jika sesak dengan orang ramai, risiko jangkitan juga adalah tinggi.

Apabila ramai orang berhimpun dan tidak mematuhi SOP, sudah pasti lebih banyak virus Covid-19 berada di udara.

Oleh itu, orang ramai dinasihatkan sentiasa pakai pelutup muka dan elak tempat berisiko atau jika terpaksa berada di kawasan itu, hadkan tempoh masa.

Malaysia mewajibkan pemakaian pelutup muka di tempat awam bermula 1 Ogos 2020 dalam usaha untuk memutus rantai jangkitan wabak Covid-19.

Hasil dapatan daripada kajian yang dijalankan merumuskan pemakaian pelutup muka adalah sangat penting.

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi peringatan kepada semua individu supaya memakai pelutup muka dalam keadaan yang betul.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, mereka diingatkan jangan tarik turun pelutup muka hingga ke dagu.

"Ini pelutup muka bukan pelutup dagu."

"Pemakaian alat pelutup muka adalah satu kaedah pencegahan yang penting

bagi mengelakkan penyebaran penyakit saluran pernafasan tersebar melalui virus termasuk Covid-19.

"Pelutup muka boleh digunakan sama ada untuk melindungi orang yang sihat daripada dijangkiti atau mencegah orang yang dijangkiti daripada menjangkiti orang lain," katanya ketika dihubungi, kelmarin.

Dr Noor Hisham berkata, penggunaan pelutup muka

boleh dibahagikan kepada tujuan perubahan dan bukan perubahan.

"Penggunaan pelutup muka bagi tujuan bukan perubahan adalah disyorkan untuk mereka yang tidak mengalami gejala namun berada di tempat di mana Covid-19 tersebar luas dan penjarakan sosial sukar diamalkan, misalnya golongan pekerja seperti pekerja sosial, juruwang dan pelayan,"

katanya.

Beliau berkata, bagi pelutup muka bukan perubahan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengesyorkan jenis fabrik atau kain dengan tiga lapisan.

"Lapisan paling dalam yang bersifat menyerap air (hidrofilik), misalnya kapas atau campuran kapas."

"Lapisan paling luar yang diperbuat daripada bahan bersifat menghindar penye-

rapan air (hidrofobik), misalnya polipropilena, poliester atau campurannya. Lapisan ini boleh menghadkan pencemaran dari luar daripada menembus masuk ke hidung dan mulut pemakai," katanya.

Menurutnya, lapisan tengah hidrofobik yang diperbuat daripada bahan bukan tenunan sintetik seperti polipropilena atau lapisan kapas yang boleh meningkat-

kan penapisan atau menahan titisan cecair.

"KKM ingin mengingatkan bahawa pelutup muka bukan perubahan bukanlah satu alat perubahan mahupun alat pelindung diri."

"Selain itu, pelutup separuh muka bukan perubahan tidak boleh dipakai oleh kanak-kanak berusia kurang dari dua tahun, mereka yang sukar bernafas dan individu yang tidak sedarkan diri, tidak atau kurang berupaya menanggalkan pelutup separuh tanpa bantuan," katanya.

Pemakaian sempurna elak jangkitan

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : LOKAL

lokal

Kuala Lumpur: Ketika negara masih lagi bergelut dengan pandemik Covid-19, pemakaian pelitup muka menjadi salah satu prosedur operasi standard (SOP) yang harus dipatuhi terutamanya ketika berada di tempat awam.

Namun selepas lebih dua tahun kita hidup dalam normal baharu bagi mengekang penularan wabak Covid-19, sudah ada masyarakat yang mula leka memakai pelitup muka dengan cara yang betul, malah ramai juga yang tidak memakainya ketika berada di tempat awam.

Tinjauan di beberapa premis makanan dan awam di sekitar **Melaka** mendapati ada yang memakai pelitup muka tidak sempurna dengan meletak di bawah dagu.

Malah Pengarah Kesihatan Negeri Datuk Dr Rusdi Abd Rahman berkata, sebanyak 498 kes direkodkan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Melaka membabitkan kesalahan pemakaian pelitup muka sepanjang tahun lalu dengan nilai kompaun berjumlah RM498,000.

Menurut pekerja swasta, Muhammad Hafiz Zulhalimi, 28, tiada alasan untuk tidak mahu memakai pelitup muka kerana perkara ini bukan baharu sebaliknya sudah berlarutan lebih dua tahun.

"Pemakaian pelitup muka ini pun sudah lama, mana boleh lupa ataupun buat-buat lupa tidak mahu pakai kerana ia tidak boleh diambil remeh.

"Keadaan itu akan membuat orang sekeliling rasa tidak selesa dan tidak selamat kerana setiap hari tidak kurang 2,000 kes baharu Covid-19 dilaporkan seluruh negara," katanya.

Manakala di **Kuala Terengganu**, tinjauan mendapati orang ramai termasuk peniaga memakai pelitup muka di dagu ketika berada di premis mereka atau berada di kedai makan.

Bagaimanapun, ada antara peniaga dilihat memakai

TINJAUAN orang ramai yang tidak memakai pelitup muka dengan cara yang betul di Kota Kinabalu, semalam.

Virus tak pilih mangsa

Pelbagai alasan dicipta kerana enggan pakai pelitup muka

FOTO: FOTO GHAZALI KORI, SYAFEEQ AHMAD, MOHD ADAM ARININ, NUR AISYAH MAZALAN

pelitup muka dengan betul apabila berurusan dengan pelanggan yang datang ke premis mereka.

Ada antara peniaga memberi alasan tidak selesa untuk memakai sepanjang masa kerana kurang pengudaraan menyebabkan mereka sukar untuk bernafas.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu Datuk Dr Kasemani Embong berkata, dalam tempoh 1 Januari tahun lalu hingga Januari 2022, sebanyak 169 kompaun dikeluarkan kerana tidak memakai atau pemakaian pelitup muka secara tidak betul.

Katanya, Dungan merekodkan jumlah kompaun tertinggi iaitu sebanyak 77 kompaun diikuti Hulu Terengganu (24 kompaun), Kuala Terengganu (23 kompaun).

"Secara keseluruhan, sebanyak 1,116 kompaun membabitkan pelbagai kesalahan pelanggaran SOP dikeluarkan dalam tempoh sama.

"Daripada jumlah itu, kesalahan paling tinggi dikesan adalah gagal mematuhi penjarakan fizikal iaitu sebanyak 291 kompaun diikuti gagal mendaftar masuk premis (manual/My Sejahtera) sebanyak 218 kom-

paun," katanya.

Manakala di **Sik, Kedah**, dikompaun RM700 pada Jun lalu kerana tidak memakai pelitup muka dengan betul ketika bekerja memberikan pengajaran yang berguna kepada pembantu gerai, Halimah Har, 34.

Katanya, dia akur dengan kesalahan yang dilakukan berikutan ketika itu dia baru saja menjamah kuih sambil mengangkat barang.

Katanya, pada mulanya seorang anggota polis memberi amaran supaya dia memakai pelitup muka dengan betul sebelum anggota terbabit memaklumkan kepada rakan setugasnya.

"Anggota (rakan setugas) itu terus datang dan mengeluarkan kompaun kepada saya kerana saya tidak menutup keseluruhan mulut dan hidung, saya bayar kompaun pada hari yang sama juga di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Sik, mujurlah saya, diberikan diskaun dan hanya perlu membayar RM350 sahaja.

"Selepas kejadian itu saya lebih berhati-hati dan sentiasa memakai pelitup muka dengan betul," katanya ketika ditemui di Pasar Basah Pekan Sik.

Di **Johor Bahru**, tinjauan

sekitar di Taman Suria dan Taman Desa Harmoni, terutama di kedai makan, pasar, gerai tepi jalan mahupun kawasan perumahan mendapati ada orang ramai yang alpa dengan cara betul pemakaian pelitup muka, selain ada yang tidak memakainya langsung.

Lebih merisaukan, lokasi seperti di gerai tepi jalan terutama peniaga didapati menjual makanan mahupun berkomunikasi dengan pelanggan tidak mengamalkan SOP seperti penjarakan fizikal dan memakai pelitup muka hanya di bawah dagu, selain ada juga yang tidak memakai langsung.

Suri rumah, Salina Halim, 46, mengakui pembukaan semula sektor perniagaan mahupun kawasan seperti taman rekreasi memberi kelegaan kepada masyarakat berikutan pandemik Covid-19.

"Sebagai ibu bapa, memang saya menekankan pemakaian pelitup muka terutama apabila tiga anak saya berusia lima hingga 12 tahun mahu keluar rumah. Risau tetap ada kerana kita bercampur dengan orang ramai.

"Memang tidak dinafikan jika berada di taman rekre-

“1,116 kompaun membabitkan pelbagai kesalahan pelanggaran SOP dikeluarkan Dr Kasemani”

"Ini semua berbalik kepada diri individu itu sendiri. Jika dia tahu pentingnya mematuhi SOP, dia akan menurutinya. Jika sebaliknya, kita dapat melihat sendiri seperti yang berlaku sekarang, orang ramai mula berani berhimpun secara rapat, berbual tanpa memakai pelitup muka dengan alasan orang yang bersamanya adalah kenalan atau ahli keluarga," katanya.

Di **Kota Kinabalu**, tinjauan mendapati segelintir masyarakat memandang ringan pemakaian pelitup muka dengan cara yang betul dengan mendedahkan hidung dan meletakkan di bawah dagu.

Pekerja swasta, Norfarahin Malik, 34, berkata, dia tidak bersetuju dengan individu yang tidak menggunakan pelitup muka dengan betul kerana tindakan seumpama itu berkemungkinan menyebarkan atau menjangkiti penyakit berjangkit seperti Covid-19, batuk kering dan selesema yang teruk.

"Saya melihat perlu ada penguatkuasaan yang lebih tegas berkaitan penggunaan pelitup muka yang tidak betul.

"Kita dapat lihat situasi berkaitan pemakaian pelitup muka ketika ini seakan dipandang remeh.

"Oleh itu, penguatkuasaan yang lebih ketat perlu dilaksanakan agar kita dapat membendung penularan virus Covid-19 dalam kalangan masyarakat," katanya.

Pemborong ikan masin, Abdul Aziz Mustaqim, 45, berkata, kebanyakan orang awam menggunakan alasan sedang menghisap rokok dan sedang makan minum sambil berjalan.

"Ada juga yang memberi alasan sukar bernafas ketika membuat kerja. Tetapi mereka tidak sedar tindakan seperti itu secara tidak langsung boleh berjangkit atau menyebarkan penyakit terutama kita masih dalam situasi pandemik Covid-19," katanya.



TINJAUAN orang ramai yang tidak memakai pelitup muka dengan cara yang betul di Kota Kinabalu.



PENIAGA dilihat mula alpa tentang pemakaian pelitup muka ketika menjalankan perniagaan di beberapa tempat di sekitar Johor Bahru.



SEGELINTIR peniaga sudah tidak mengendahkan SOP pemakaian pelitup muka ketika tinjauan di Kuala Terengganu.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : COVID-19

Oleh Nurul Amanina
Suhaini
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Sebanyak 47 kes positif Covid-19 dikesan dalam kalangan jemaah masjid dan penduduk di Taman Sri Pulau Perdana di sini, dengan 164 kontak sedang menunggu keputusan saringan yang dijalankan, Ahad lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor R Vidyantathan berkata, ia sekali gus menyebabkan tercetusnya Kluster Pulau Perdana Tiga.

Katanya, kluster itu dike-



Fasiliti umum yang berpotensi untuk menjadi tempat penyebaran seperti masjid dan sekolah di dalam kawasan terabit juga dikenal pasti dan ditutup buat sementara waktu bagi siasatan serta pengesanan kes secara berterusan"

R Vidyantathan

KLUSTER PULAI PERDANA TIGA

Kesan 47 kes positif



SUASANA lengang di Taman Sri Pulau Perdana ketika tinjauan semalam ekoran pelaporan 47 kes positif membabitkan Kluster Pulau Perdana Tiga.

san hasil saringan bersasar yang dijalankan Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru (PKDJB) pada 6 Januari lalu berikutan terdapat beberapa jemaah masjid yang positif selepas melakukan saringan

kendiri.

"Semua kes positif sudah diisolasi dan kontak rapat kes yang dikenal pasti menjalani pengasingan di rumah.

"Fasiliti umum yang ber-

potensi untuk menjadi tempat penyebaran seperti masjid dan sekolah di dalam kawasan terabit juga dikenal pasti dan ditutup buat sementara waktu bagi siasatan serta pengesanan kes secara

berterusan.

"Jabatan Kesihatan mengingatkan kepada penduduk supaya mematuhi perintah kuatantam yang dikeluarkan kerana kegagalan mematuhi boleh dikenakan

tindakan mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 dengan kompaun tidak melebihi RM1,000," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, sehingga kelmarin terdapat 278 kes dilaporkan apabila 44 kes (15.8 peratus) daripada kluster aktif dan kluster baharu di Johor, menjadikan jumlah kumulatif kes sebanyak 248,419 kes di seluruh negeri ini.

Katanya, kumulatif kluster aktif di Johor adalah sebanyak 25 kluster meliputi 11 kluster adalah penularan dalam industri, komuniti (5 kluster), institusi (4 kluster), Import A (2 kluster), selain masing-masing satu kluster iaitu pasaraya, pusat jagaan dan tahanan.

Terdahulu, Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) menafikan mesej yang tular berkaitan pewartan seluruh kawasan Taman Sri Pulau Perdana sebagai kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran.

Pengarah JKNJ Datuk Dr Aman Rabu berkata, tindakan kawalan dalaman dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Covid-19 Daerah Johor Bahru berikutan pelaporan 47 kes positif membabitkan Kluster Pulau Perdana Tiga.

Georgetown: Pulau Pinang merekodkan 10 kes Covid-19 membabitkan varian Omicron setakat semalam, bagaimanapun sebahagian daripada pesakit sudah pulih selepas mendapatkan rawatan.

Ketua Menteri Chow Kon Yeow berkata, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) kini sedang memantau situasi semasa berhubung varian itu dan sentiasa bersiap siaga.

"Semua kes direkodkan ini membabitkan kategori satu dan dua yang sebahagiannya sudah discaj dari wad.

"Semua kes ini tidak membabitkan komuniti yang mana ia adalah kes import membabitkan individu baharu pulang dari umrah dan juga ada dari Dubai.

"Dalam pada itu, tiada kes kontak rapat membabitkan varian Omicron dilaporkan," katanya selepas mengadakan kunjungan sempena Tahun Baharu Cina di Pejabat New Straits Times Press (NSTP) di sini, semalam.

Kehadiran Kon Yeow di-



KON Yeow (lima dari kanan) bersama Ahmad Zaini (empat dari kiri) mengaul hidangan Yee Sang ketika hadir mengadakan kunjungan di Pejabat NSTP Pulau Pinang, semalam. - Gambar NSTP/MIKAIL ONG

Pulau Pinang catat 10 kes varian Omicron

sambut warga kerja NSTP diketuai Pengurus Besar Pemasaran, Komunikasi Korporat dan Sokongan Jualan NSTP Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman.

Sementara itu, Kon Yeow

berkata, program vaksinasi dos penggalak di Pulau Pinang kini mendapat sambutan apabila 36 peratus iaitu lebih 500,000 rakyat sudah mendapatkan suntikan di fasiliti yang disediakan.

Sebanyak 97.8 peratus populasi dewasa lengkap terima vaksin

Kuala Lumpur: Seramai 22,886,013 individu atau 97.8 peratus daripada populasi dewasa di negara ini sudah lengkap menerima vaksin Covid-19 setakat jam 11.59 malam kelmarin menjadikan hanya 2.2 peratus lagi diperlukan untuk mencapai angka 100 peratus.

Berdasarkan data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi laman COVIDNOW, seramai 23,170,208 individu atau 99 peratus daripada kumpulan itu juga sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula, seramai 2,767,385 individu atau 87.9 peratus daripada mereka telah melengkapkan vaksinasi manakala

2,857,194 individu atau 90.8 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

Sejumlah 223,463 dos vaksin diberikan kelmarin melibatkan 3,273 dos pertama, 2,114 dos lengkap dan 218,076 dos penggalak.

Ini menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) meningkat kepada 59,511,395 dos dengan 8,032,484 daripadanya adalah dos penggalak.

lak.

Sementara itu, menurut portal Github KKM, sebanyak 18 kes kematian direkodkan kelmarin dengan dua daripadanya adalah kematian di luar hospital.

Daripada keseluruhan 18 kes kematian di Johor, Kedah (tiga), Pahang, Terengganu, Selangor dan Kuala Lumpur masing-masing mencatatkan dua kematian manakala satu kes di Kelantan, Melaka dan Perak. - Bernama



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : LOKAL

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa pihak berkuasa menjalankan siasatan terhadap kumpulan yang memalsukan sijil vaksinasi Covid-19.

Presiden MMA, Dr Koh Kah Chai berkata, pihaknya kecewa dengan tindakan kumpulan terbabit yang menjual sijil vaksinasi itu secara dalam talian.

"Kami mahu pihak berkuasa menjalankan siasatan secara menyeluruh dan membawa mereka yang ber-

Integriti profesion perubatan musnah!

MMA gesa pihak berkuasa ambil tindakan tegas terhadap kumpulan palsu sijil vaksinasi Covid-19

tanggungjawab ke muka pengadilan.

"Kami juga menggesa orang ramai membuat laporan kepada pihak berkuasa sekiranya mereka mempunyai maklumat mengenai sebarang aktiviti rasuah dalam sektor kesihatan," katanya.

Kelmarin, polis Terengganu membongkar kegiatan penjualan sijil vaksinasi Covid-19 dipercayai palsu dengan merampas hampir 100 keping kad peringatan vaksinasi.

Kegiatan itu terbongkar susulan serbuan sepasukan pegawai dan anggota Jaba-

tan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) yang membawa kepada penahanan seorang doktor klinik swasta berusia 51 tahun, Sabtu lalu.

Suspek dipercayai melakukan perbuatan itu sejak September tahun lalu selepas klinik berkenaan men-

dapat kebenaran mengendalikannya suntikan vaksinasi secara berbayar.

Dr Koh berkata, MMA tidak membenarkan aktiviti sedemikian berlaku yang memusnahkan integriti profesion perubatan lebih-lebih lagi jika menyebabkan kemudaratan ke-



Kami mahu pihak berkuasa menjalankan siasatan secara menyeluruh dan membawa mereka yang bertanggungjawab ke muka pengadilan"

Dr Koh Kah Chai

pada kesihatan awam.

Justeru, beliau meminta orang ramai menyalurkan sebarang maklumat atau aduan kepada MMA menerusi secretary@mma.org.my.

Tempoh reman doktor disambung hingga esok

Marang: Tempoh reman terhadap seorang doktor lelaki yang dipercayai terbabit dalam kegiatan penjualan sijil vaksinasi Covid-19 palsu disambung sehingga Khamis ini.

Perintah terhadap suspek berusia 51 tahun itu dikeluarkan Majistret Engku Nurul Ain Engku Muda bagi membolehkan siasatan lanjut dibuat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

Terdahulu, suspek yang ditahan polis Sabtu lalu di-reman selama tiga hari sehingga semalam.

Media sebelum ini melaporkan polis Terengganu membongkar kegiatan penjualan sijil vaksinasi Covid-19 dipercayai palsu dengan merampas hampir 100 keping kad peringatan (temu janji) vaksinasi.

Kegiatan itu terbongkar



DOKTOR sebuah klinik swasta disambung reman bagi membantu siasatan berhubung dakwaan menjual sijil vaksinasi Covid-19 palsu di Mahkamah Majistret Marang, semalam. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

susulan serbuan sepasukan pegawai dan anggota polis selepas menerima maklumat awam.

Suspek dipercayai melakukan perbuatan itu sejak September tahun lalu selepas klinik berkenaan men-

dapat kebenaran mengendalikannya suntikan vaksinasi secara berbayar.

Dalam tempoh berkenaan,

lebih 1,900 sijil vaksinasi Covid-19 palsu dikeluarkan dengan bayaran antara RM400 hingga RM600 setiap satu.

JKNT kesan individu

Kuala Terengganu: Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) mengesan individu yang mendapatkan sijil vaksinasi Covid-19 dipercayai palsu dari sebuah klinik swasta di Marang.

Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu Datuk Dr Kasamani Embong berkata, pihaknya akan memberikan nasihat dan kaunseling kepada golongan berkenaan bagi memastikan mereka menerima suntikan vaksin.

"Mengenai tindakan terhadap doktor dan klinik berkenaan, kita masih menunggu hasil siasatan daripada polis sebelum tindakan lanjut diambil.

"Hasil siasatan mendapati klinik swasta berkenaan membenarkan memberikan suntikan vaksinasi secara berbayar sejak September tahun lalu dan memohon dijadikan pusat pemberian vaksin (PPV).

"Permohonan menjadi PPV diluluskan akhir Disember tahun lalu dan pendaf-taran klinik serta lesen doktor berkenaan boleh dibatalkan sekiranya didapati bersalah," katanya.

1,900

Sijil vaksinasi Covid-19 palsu dikeluarkan dengan bayaran antara RM400 hingga RM600 setiap satu

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEGARA



POLIS membawa doktor yang berpakaian lokap mendapatkan perintah lanjutan reman di Mahkamah Majistret Marang semalam.

Reman pakar perubatan disambung dua hari

Doktor jual sijil vaksin palsu tidur lokap lagi

MARANG – Tempoh reman seorang doktor klinik swasta yang diberkas Sabtu lalu kerana disyaki terlibat dalam kegiatan menjual sijil vaksinasi Covid-19 palsu dilanjutkan kepada dua hari lagi.

Perintah tambahan tahanan reman sehingga esok itu dikeluarkan Majistret Engku Nurul Ain Engku di Mahkamah Majistret di sini semalam.

Lanjutan itu bagi membolehkan polis melengkapkan kes yang disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dihadapi suspek berusia 51 tahun itu.

Terdahulu doktor tersebut yang berpakaian lokap berwarna

ungu dibawa oleh anggota polis ke mahkamah terbabit dari lokap Ibu Pejabat Polis (IPD) Daerah Marang di sini.

Kosmo! semalam melaporkan kegiatan seorang doktor klinik swasta membekalkan sijil vaksinasi Covid-19 palsu kepada golongan antivaksin sejak September tahun lalu terbongkar dalam serbuan di Marang pada Sabtu lalu.

Dalam serbuan pada pukul 7 malam itu, polis berjaya merampas kira-kira 1,900 dokumen yang telah diisi oleh pelanggan klinik berkenaan.

Siasatan awal polis mendapati

suspek mengenakan caj antara RM400 hingga RM600 bagi setiap sijil vaksinasi palsu itu.

Dalam pada itu, Ketua Polis Terengganu, Datuk Rohami Md. Isa berkata, hasil soal siasat awal, doktor yang telah menjalankan operasi klinik swasta terbabit sejak 20 tahun lalu mengaku menyokong golongan antivaksin.

Begitupun, beliau berkata, suspek memaklumkan tetap mengambil suntikan vaksin imunisasi sebagai mematuhi peraturan pengamal perubatan ditetapkan Kementerian Kesihatan bagi memastikan lesen operasi klinik swastanya tidak digantung.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Tiada lagi PKP - Hishammuddin

Bagaimanapun kawalan lebih ketat di sempadan negara

KUALA LUMPUR



HISHAMMUDDIN

Kerajaan tidak akan melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun kawalan lebih ketat akan dilaksanakan di pintu masuk dan keluar negara, dalam usaha mengekang pandemik Covid-19.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, mengambil kira perkembangan jangkitan varian Omicron, langkah kawalan tersebut perlu ditambah baik termasuk menyenaraikan lebih banyak negara berisiko tinggi.

"Setakat ini sebanyak 245 kes Omicron telah disahkan di Malaysia. Sebahagian besar kes jangkitan di negara kita ini masih lagi berpunca daripada kepulangan pengembara dari luar negara.

"Kita akan ambil langkah kawalan lebih ketat, tetapi PKP



Kerajaan akan melaksanakan kawalan yang lebih ketat di pintu masuk dan keluar negara dalam usaha mengekang penularan jangkitan Covid-19.

secara besar-besaran tidak akan dilaksanakan semula," katanya pada sidang media selepas mesyuarat kuarter menteri Covid-19 di sini, pada Selasa.

Turut hadir pada mesyuarat itu ialah Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin Abu Bakar, Menteri Pengangkutan Datuk

Seri Wee Ka Siong dan Menteri Perpaduan Negara Datuk Halimah Mohamed Saddique.

Hishammuddin memberitahu, tumpuan kerajaan kini adalah kembali kepada usaha transisi ke arah endemik yang tertangguh akibat beberapa isu sebelum ini.

Kata beliau, kerajaan juga memantau rapat status semasa pelaksanaan 'Vaccinated Travel Line' (VTL) dengan melihat ruang dan peluang untuk melaksanakannya dengan beberapa negara lagi termasuk Indonesia dan Thailand.

"Bagaimanapun ia bergantung kepada situasi Covid-19, bukan sahaja di negara-negara berkenaan tetapi juga di negara kita," katanya.

